

HARI : ISNIN
 TARIKH : 2/9/2019
 M/SURAT : 17

Logo halal: Jangan tertipu

SAUDARA PENGARANG,

SAYA ingin memberi pandangan mengenai gesaan Dewan Pembangunan Perniagaan Usahawan Malaysia (MCED) supaya kerajaan melarang penggunaan tulisan Jawi pada produk keluaran bukan Islam. Saya berpendapat, undang-undang sedia ada sudah mencukupi bagi menangani sebarang penyalahgunaan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Logo halal Jakim sudah jelas dan difahami oleh pembeli Islam dan dapat mengelakkan daripada pengguna tertipu dengan logo tidak sah. Selain logo halal mengelirukan dan

tidak disahkan oleh Jakim, pembeli turut tertipu oleh jenama barangan keperluan harian seperti sos, minyak masak, mi dan banyak lagi yang menggunakan jenama Melayu dan sebutannya pula agak menarik.

Lebih mengejutkan, logo digunakan melambangkan Islam seperti masjid. Perkataan Melayu dan logo yang bercirikan Islam ini dapat menarik pembeli daripada golongan Melayu beragama Islam membeli dan terus menjerat mereka. Kita tidak mahu penipuan ini terus berleluasa dan bermaharajalela.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) hendaklah

memastikan syarikat yang membuat pendaftaran, mengeluarkan barangan yang betul-betul halal mengikut Islam dan bukan berselindung di sebalik nama Melayu.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pula perlulah memantau secara menyeluruh terhadap pengilang dan membuat lawatan mengejut jika operasinya meragukan. Kita tidak mahu umat Islam terus tertipu dan terpedaya oleh segelintir pengilang yang mahukan keuntungan semata-mata.

PEMBELI KELIRU
 Temerloh

